



TITIPAN
ASPIRASI
Menjantik
Hati Keluarga UiTM

Rozie



TITIPAN
ASPIRASI
Menjantik
Hati Keluarga UiTM

Rozie



© Universiti Teknologi MARA, 2023

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara - elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Jabatan Komunikasi, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

e-mel: bkk@uitm.edu.my

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

ISBN 978-629-98741-0-2

Diterbitkan oleh:

Jabatan Komunikasi

Aras 2, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin


Universiti Teknologi MARA

40450 Shah Alam, Selangor



Coretan Penghargaan Buat Roziah Mohd Janor

Terbitan Khas
Jabatan Komunikasi
Universiti Teknologi MARA



Titipan Aspirasi Rozie: Menjentik Hati Keluarga UiTM merupakan terbitan naskhah buku koleksi petikan kata-kata Naib Canselor wanita pertama di Universiti Teknologi MARA (UiTM), Profesor Datuk Dr Hajah Roziah Mohd Janor. Lebih mesra dengan panggilan Rozie, beliau merupakan anak kelahiran Bahau, Negeri Sembilan, beliau dibesarkan oleh seorang pegawai tentera dan hasil didikan ayahandanya mendorong beliau untuk meletakkan kesungguhan dan dedikasinya untuk terus berjaya dan memastikan kebahagiaan ayahnya sentiasa diraikan.

Disiplin dan keazaman yang ada di dalam dirinya merupakan satu perkara yang sangat digenggam erat kerana itu merupakan prinsip hidupnya tidak kira di mana sahaja beliau berada.

Aspirasi yang dititipkan oleh beliau dalam setiap ucapan dan perbualannya direkodkan khas bagi penerbitan ini agar dapat dijadikan sumber inspirasi keluarga UiTM sama ada dari kalangan pelajar mahupun staf UiTM sendiri.

Rozie turut menekankan prinsip kekeluargaan dan kebersamaan di antara semua warga agar dapat bergerak secara seiring menuju satu visi dan aspirasi yang dirancang khas buat universiti ini iaitu *Globally Renowned University (GRU)* pada tahun 2025.

Terbitan khas buku ini merupakan sebuah bentuk penghargaan dari Keluarga UiTM buat beliau untuk segala jasa dan bakti sepanjang perkhidmatannya sebagai Naib Canselor UiTM yang keenam.

Prakata

Assalamu’alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT, terbitan khas Jabatan Komunikasi ini dapat dihasilkan atas dasar penghargaan terhadap segala jasa dan khidmat bakti buat Yang Berbahagia Profesor Datuk Dr. Hajah Roziah Mohd Janor sebagai Naib Canselor Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Titipan Aspirasi Rozie: Menjentik Hati Keluarga UiTM merupakan terbitan yang merangkumi semua ucapan Naib Canselor yang menitipkan aspirasi buat warga universiti tidak kira para akademik, pentadbir, mahupun pelajar. Setiap nasihat serta titipan Yang Berbahagia Datuk, didokumentasikan dan diterbitkan dalam buku mewah sebagai cendera kenangan sempena hari persaraan beliau.

Sejak dilantik sebagai Naib Canselor Wanita Pertama di Universiti Teknologi MARA, warga UiTM amat berbangga dengan sifat kepimpinan beliau yang telah mendorong universiti untuk menempah nama di dalam dan luar negara.

Sebagai pemimpin yang berwawasan, beliau sentiasa memacu pucuk kepimpinannya dengan menitikberatkan prinsip kebersamaan dan kekeluargaan dalam kalangan warga UiTM bagi mencapai visi strategik universiti ke arah menjadi Universiti Yang Dikenali Dunia menjelang tahun 2025.

Cetusan idea bagi penerbitan buku ini juga didorong kuat oleh sifat beliau yang tidak kenal erti mengalah dan sentiasa melihat ke hadapan agar dapat menjadi inspirasi buat semua warga UiTM.

Keluarga UiTM amat berbesar hati dengan kepimpinan beliau dan berterima kasih untuk segala jasa yang telah dicurahkan oleh Yang Berbahagia Profesor Datuk Dr. Hajah Roziah Mohd Janor kepada universiti ini.

Sekian, Salam UiTM Dihatiku.

EZURYA RATHI
Pengarah Kanan
Jabatan Komunikasi

ISI KANDUNGAN

5	Sinopsis	9	Ucapan Sulung Naib Canselor	18	Petikan Amanat Naib Canselor
					
24	Petikan Amanat Tahun Baharu Naib Canselor 2023	30	Renungan Hikmah	36	Coffee Talk With Rozie
					
42	Rangkuman Ucapan Istiadat Konvokesyen	68	Koleksi Pantun Naib Canselor	80	Sidang Redaksi
					

“

Saya ingin titipkan rasa terima kasih atas **kepercayaan** dan **keyakinan** yang diberikan kepada saya untuk memimpin instiusi pengajian tinggi terbesar di Malaysia iaitu Universiti Teknologi MARA (UiTM)

”



Ucapan Sulung Naib Canselor

Sebagai sebuah institusi, kita perlu membuat sedikit **Reset, Recover, dan Restore** bagi menjamin kelestarian perancangan strategik UiTM2025 agar ianya akan kelihatan lebih realistik dan bermakna.

Berikutan COVID-19, penambahbaikan dari aspek penjajaran peruntukan bajet, tempoh pelaksanaan (*roll-out*), cara ia dilaksanakan dan juga pelaporan impak harus diberikan penekanan.

UiTM mesti mengimbangi kuantiti dan kualiti dalam apa jua keadaan sekalipun bagi meneruskan dan menambah baik agenda UiTM **Globally Renowned University 2025**.

Semua ketua pusat tanggungjawab (PTJ) mesti melihat, mengawal dan memperbaiki prestasi pencapaian setiap sasaran dengan menumpu kepada produktiviti, kecekapan dan keberkesanan.

“

Jika tiada yang mengenali
kita, maka tiadalah **reputasi**

”

Setiap ketua di UiTM perlulah fokus dalam meningkatkan reputasi universiti dengan mengamalkan budaya pengurusan berkualiti yang telah sekian lama kita pupuk.

Harus juga kita ingat, **DUA (2)** teras utama yang mendukung UiTM ialah **keupayaan** dan **kompetensi** warga yang merangkumi para pelajar, barisan staf baik akademik mahupun pentadbiran, pengurusan dan pemimpin tertinggi, serta alumni.

Sejajar dengan aspirasi GRU2025, reputasi UiTM boleh ditingkatkan melalui penyelidikan, penerbitan, pencapaian pelajar dan graduan dalam pelbagai bentuk seperti sukan, debat, ko-kurikulum, keusahawanan, kepimpinan serta latihan di peringkat global.



Kita harus sentiasa peka dengan peluang yang ada untuk membuktikan kelebihan dan kebaikan secara menyeluruh dalam apa jua krisis yang diharungi.

Juga diingatkan, sebagai warga UiTM, kita semestinya mengelak daripada terlibat dengan gejala rasuah, salah guna kuasa dan penindasan terhadap mana-mana pihak yang berada di bawah seliaan kita.

Pada masa sama, UiTM sentiasa melebar luas peluang pendidikan tinggi kepada bangsa Melayu dan Bumiputera demi pertingkatkan status sosio-ekonomi mereka agar menjadi lebih baik dan menjurus untuk mengimbangi taburan kekayaan (*wealth distribution*) negara merentas segenap bangsa dan lokaliti.

Maka, setiap kejayaan yang bakal dicapai pada masa hadapan mestilah dirancang secara 'by design' dan sebagai insan, kita haruslah bertawakal serta merujuk kepada akta yang berkaitan dalam membuat sebarang keputusan.

- 6 September 2021



Minda yang Merdeka

Saban tahun, bila tibanya sambutan Merdeka akan bermain di ingatan bagaimana kita menunjukkan semangat dengan memasang bendera.

Saya merupakan anak kelahiran Negeri Sembilan dan dibesarkan di Kem (Garrison) Segenting, Port Dickson. Pada ketika itu, arwah ayah, Mohd Janor, bertugas sebagai seorang Guru Besar sekolah di dalam kem tentera ini.

Dikelilingi batalion tentera, hari ke hari saya akan sentiasa mendengar bunyi hentakan kaki dan rentak kawad. Suasana dan persekitaran di dalam kem ini juga menjadi sebatian dan sedikit sebanyak mempengaruhi personaliti dan jati diri saya terutamanya dari segi disiplin.

Ayah merupakan insan yang sangat menekankan disiplin dan ini yang menjadi didikan utamanya kepada anak-anak. Jadi, tidak hairanlah jika ada orang di sekeliling saya yang berkata saya sentiasa nampak serius.

Pada usia 9 tahun, saya kemudiannya menetap di Bahau, Negeri Sembilan. Ketika itu, saya masih ingat lagi jika kita pergi ke kawasan bandar ataupun pekan di sana, kebanyakan penduduknya merupakan dari kalangan kaum Cina. Bahkan, sehingga kini, sebahagian besar komuniti di Bahau masih lagi sama seperti dahulu. Meskipun begitu, kami tidak pernah merasakan sebarang perbezaan atau kelainan antara satu sama lain.

Selepas menamatkan pengajian di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), saya telah dipilih untuk melanjutkan pengajian di New York, Amerika Syarikat.

Sebelum ke sana, terdetik juga di hati ini, “Anak kampung dari Bahau nak terbang ke New York City?” Seheinggalah pada tanggal bulan Ogos iaitu hari pelepasan di lapangan terbang, itulah kali pertama di dalam hidup saya menaiki kapal terbang.

Ketika itu, saya bersama sekumpulan pelajar dari Malaysia seramai 15 orang ditempatkan di State University of New York, New Paltz. Setibanya di kampus, kami dikumpulkan di sebuah hostel yang dipanggil Capen Hall.

Waktu itulah, konteks “Merdeka” ini hadir di dalam diri saya. “Oh, inilah rasanya bila merdeka.” Diberikan kebebasan tanpa mengetahui cara dan bagaimana seharusnya kita uruskan kebebasan itu. Di usia belasan tahun, kami semua tertanya-tanya. Apa yang perlu dibuat? Tidak adakah orang yang akan membantu?

Tetapi, jati diri kami yang kuat telah menyatukan kami semua sebagai kumpulan pelajar yang pertama dari Malaysia untuk melanjutkan pengajian di situ dengan jayanya.

Mengimbas kembali detik itu, saya amat bersyukur kerana Allah telah memberikan saya rezeki sebegitu sehinggakan saya dapat merasakan sesuatu yang tidak semua berpeluang untuk merasa.



“

Jangan kau hampakan **harapan** ayah tu, belajarliah rajin-rajin sebab kalau kau berjaya nanti, maknanya ayah juga telah berjaya.

Dan aku juga yakin, sekiranya ayah masih ada dia akan berasa amat **bangga** dengan kejayaan kita semua.

”

Tanggal 30 Mei 1984,


saya telah menerima sepucuk surat dari abang semasa masih berada di New York. Surat itu saya terima selepas 5 minggu ayah kembali ke rahmatullah dan meninggalkan kami semua.

Apabila saya terima surat tersebut, saya ibarat sudah mengerti akan maksud surat yang dihantar itu. Saya mengerti, khabar mengenai arwah ayah tidak diberitahu terus kepada saya kerana sewaktu itu saya sedang menduduki peperiksaan.

Jadi, bila saya lihat kepada intipati surat tersebut, terubat rasa hati apabila abang meyakinkan untuk tidak berasa gusar dan terus percaya bahawa arwah ayah akan sentiasa berbangga dengan segala jenis pencapaian anak-anaknya.

Arwah ayah juga ada satu tabiat. Beliau suka menyimpan pelbagai bentuk rekod. Ayah akan merekodkan segala perkara dan saya juga masih menyimpan sebuah diari yang tertulis semuanya mengenai saya. Berkali-kali saya membacanya.

Arwah ayah mengakui bahawa antara semua anaknya, saya dilihat sebagai lain daripada yang lain. Beliau juga seolah-olah mengetahui bahawa satu hari nanti saya akan menjadi insan yang temama dan dikenali ramai. Melihat di mana saya berada kini, ianya ibarat kata-kata ayah telah menjadi kenyataan.





Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung. Sejauh mana sekalipun saya telah merantau, Malaysia tetap tanah tumpah darahku. Jauh di sudut hati ini, saya melihat “Merdeka” sebagai sebuah bentuk kebebasan minda.

- 16 September 2021

“

Minda yang Merdeka.

Minda yang tidak terjajah.
Minda yang tidak terkongkong.
Minda yang bebas dari
sebarang bentuk arahan
mahupun anasir luar.

”

Petikan Amanat Naib Canselor 2022

Tahun 2021 telah membawa seribu satu kenangan manis kepada UiTM, kerana kita telah berjaya meraih pelbagai pencapaian, di pelbagai peringkat, dalam pelbagai bidang - akademik dan bukan akademik - sama ada di dalam negara ataupun di persada dunia.

Wajar kiranya untuk saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada seluruh warga UiTM, tidak kira di mana jua anda berada, atas sumbangan dan bakti yang diberikan, bagi melonjakkan nama universiti, bukan sahaja pada tahun 2021, bahkan sepanjang perkhidmatan di UiTM.

Hasil ‘Kajian Impak UiTM 20 Tahun’ yang telah dilaksanakan menunjukkan sumbangan positif terhadap pembangunan ekonomi dan boleh dilihat dalam pelbagai bentuk peluang pekerjaan dan cabang perniagaan yang menyumbang kepada kelangsungan hidup serta kesejahteraan komuniti setempat termasuk kepada golongan OKU.

Malah, dapatan kajian industri di sekitar kampus UiTM telah menunjukkan lebih kenaikan kesan positif kepada perniagaan dengan pertambahan peluang pekerjaan sepanjang 20 tahun ini seterusnya membuktikan kurikulum UiTM sentiasa relevan dan menjadi pemangkin kepada perkembangan dan pembangunan komuniti setempat.



Kita masih boleh merapatkan jurang hubungan antara institusi dengan alumni bagi merangsang perkembangan keseluruhan warga dan komuniti sekitar UiTM. Aspirasi UiTM ini harus dijadikan konsep yang diteladani oleh para alumni demi merangka komunikasi yang lebih baik dan berkesan antara kedua-dua belah pihak.

Mengambil kira bilangan alumni UiTM yang sangat ramai, kita mesti memiliki sistem rekod yang sistematik, efisien dan sentiasa dikemas kini yang bukan sahaja merangkumi latar belakang alumni tetapi juga maklumat berkaitan bidang kerjaya dan peningkatan taraf hidup mereka.

Bagi saya, alumni UiTM perlu sentiasa dekat dengan kita kerana mereka ialah aset universiti yang boleh bertindak sebagai pemangkin semangat kepada kemajuan mahasiswa dan pembangunan anak bangsa.

Kejayaan dan pengiktirafan antarabangsa ini merupakan bukti kesungguhan dan komitmen keluarga UiTM dalam meningkatkan kesarjanaan dan kecemerlangan universiti melalui ekosistem pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan yang berkualiti.

Dalam memastikan UiTM sentiasa berdiri gagah bersama universiti terkemuka yang lain, sudah pasti penerbitan bertaraf tinggi dan kajian berdasarkan bidang kepakaran masing-masing perlu dipertingkatkan.

Kompetensi Global merupakan sebuah konsep yang merangkumi ilmu pengetahuan, kemahiran, nilai dan tingkah laku untuk persediaan golongan muda berkembang maju dalam pelbagai dimensi yang saling berhubungan.

Kita perlu bersama melonjak Kompetensi Global universiti dengan mempamerkan peningkatan kecekapan, kemahiran, daya pemikiran kritis, berkarakter global, kompetitif serta budiman.

Cabaran dan ketidakpastian masa kini menuntut kita untuk *Reset, Recover, dan Restore* dalam mencapai GRU2025 menerusi:

- Pemantapan sistem komunikasi,
- Lonjakkan transformasi dengan sinergi warga dan jentera,
- Perubahan minda yang dipercayai kemampuan diri,
- Jaringan ekosistem berhubungan antara akademik, penyelidikan, tadbir urus, perbelanjaan tangkas serta daya tahan, dan
- Tindakan berpaksikan kelestarian.

Semangat dan sifat cintakan organisasi pasti dapat mempengaruhi keseluruhan imej dan reputasi kita. Terus berbangga dan kekal setia bersama UiTM kerana keluarga UiTM inilah yang akan menjadi duta dan wajah masa hadapan universiti.

Sebagai sebuah universiti yang memupuk keserjanaan dan membina kecemerlangan akademik bangsanya, UiTM akan terus menggalas cabaran besar untuk lebih berdaya saing dan keterhadapan dengan institusi pengajian tinggi lain di dalam dan luar negara.

Sejak penubuhan institusi ini pada tahun 1956 sehinggalah ke hari ini, peranan UiTM dalam memberikan peluang pendidikan kepada pelajar Melayu dan bumiputera sentiasa diperkasa demi mengilmukan anak bangsa ke satu tahap yang lebih tinggi.



“

Kita perlu tanamkan sifat **ikhlas** dalam menjalankan sesuatu tugas, tanpa berkira atau mengharapkan sesuatu balasan.

”

Malah, peranan dan sumbangan universiti amanah bangsa ini, dari setahun ke setahun menjadi bertambah penting terutamanya dalam pembangunan modal insan dan kemakmuran negara.

Kepentingan sinergi dalam membangunkan Kompetensi Global memerlukan kita sebagai warga UiTM untuk *“Unleash the Human Magic”* dengan memastikan universiti kita ini satu institusi yang boleh menggembirakan semua agar terdorong untuk lebih banyak berbakti dan menggerakkan keluarga besar UiTM.

Ingatlah, biar usaha yang kita lakukan itu kecil sekali pun, tetapi membawa manfaat yang besar kepada semua. Meskipun apa yang kita buat itu dilihat seperti tidak bernilai, namun percayalah, setiap keikhlasan dalam perbuatan kita itu akan diberkati.

Ketepikan ego, perbalahan dan percanggahan pendapat kerana ia hanya akan merugikan UiTM sendiri. Kalau dahulu, kita bekerja secara silo, tetapi dunia kini menuntut kita untuk bekerjasama antara bidang merentas disiplin yang dapat menyumbang kepada penyelesaian masalah yang lebih besar.



Saya percaya kita mampu menghasilkan yang terbaik jika kita memberikan yang terbaik. Justeru, kita perlu bersama memastikan universiti ini terus berupaya, lebih disegani dan dihormati, sebagai penjana ilmuwan bumiputera bertaraf dunia tanpa mengira batasan. Inilah hasrat keluarga besar kita, keluarga UiTM.

Kepada para pelajar, teruskan usaha, tanamkan azam untuk mencapai kejayaan yang diimpikan dan gunakanlah peluang yang diberikan di UiTM ini dengan sebaik-baiknya untuk masa hadapan yang lebih cemerlang.

Saya amat berharap agar semua warga UiTM akan sentiasa berjuang dengan lebih bersemangat dan berintegriti bagi meningkatkan pencapaian dalam menjalankan tanggungjawab untuk memajukan bangsa dan kemakmuran negara.

- 26 Januari 2022

Petikan Amanat Tahun Baharu Naib Canselor 2023

Tahun 2022 telah membawa seribu satu kenangan manis kepada UiTM. Kita telah berjaya meraih pelbagai pencapaian di pelbagai peringkat, dalam pelbagai bidang melibatkan akademik mahupun bukan akademik, sama ada di dalam negara ataupun di luar negara.

Inisiatif bagi mencapai Kompetensi Global Universiti pada tahun 2022 telah kita laksanakan bersama.

Segala kejayaan tersebut adalah bukti kesungguhan dan komitmen warga UiTM dalam meningkatkan kesarjanaan dan kecemerlangan Universiti melalui ekosistem pengajaran, pembelajaran, penyelidikan serta hubungan industri dan komuniti yang berkualiti.



Aspirasi ini telah membuahkan hasilnya apabila kita kini telah mula dikenali dan diiktiraf di peringkat antarabangsa dan sedang bergerak menuju ke arah visi dalam menjadikan UiTM sebagai sebuah Universiti Terkemuka Dunia (Globally Renowned University – GRU2025) dalam masa 2 tahun sahaja lagi.

Setiap kejayaan yang dicapai oleh universiti ini tidak akan berlaku tanpa keyakinan dari warganya iaitu para pelajar, barisan staf akademik, pentadbiran dan pelaksana. Bahkan, keyakinan ibu bapa penjaga jugalah yang menjadikan UiTM sebagai pilihan utama institusi pendidikan tinggi buat anak-anak mereka melanjutkan pengajian.



“
Saya amat mengambil berat mengenai penjagaan dan kebajikan warga universiti kerana **‘kegembiraan’** merupakan petunjuk utama untuk seseorang memberikan komitmen penuh kepada sesebuah organisasi
”

- 24 Februari 2023



Rentetan pandemik COVID-19, Alhamdulillah, Istiadat Konvokesyen ke-93, 94 dan 95 telah berjaya dilaksanakan bagi meraikan kejayaan sejumlah 80,358 graduan UiTM.

Saya faham, bukan mudah untuk menjayakan majlis yang mega dan berprestij ini. Kita turut melakar sejarah sebagai satu-satunya Universiti yang berjaya melangsungkan Istiadat Konvokesyen sebanyak 3 kali dalam setahun sehingga diiktiraf kerana kejayaan menggraduatkan pelajar paling ramai.

UiTM menempah nama dalam Malaysia Book of Records dengan 2 pengiktirafan, iaitu jumlah skrol terbanyak dalam istiadat konvokesyen dan bilangan skrol tertinggi yang disampaikan oleh Naib Canselor. Ini bukanlah pengiktirafan buat saya semata-mata, sebaliknya, pengiktirafan ini adalah buat semua yang telah menyumbang bakti kepada universiti.

Pada tahun 2023, UiTM tertumpu kepada Kebolehpasaran Global (Globally Marketable) yang sejajar dengan Pelan Strategik UiTM 2025 ke arah menjadi Universiti Terkemuka Dunia bagi menyokong pembentukan Malaysia MADANI.

Konsep Kebolehpasaran Global ini berkait rapat dengan kemampuan warga UiTM iaitu staf dan pelajar untuk menarik perhatian warga global menerusi pelbagai inisiatif antarabangsa yang giat dijalankan pada tahun lepas.

Tahun ini, kita akan mengukuhkan lagi nama UiTM dengan memperkasa kebolehpasaran warga yang akan meningkatkan ketampakan universiti sekaligus menjadikan Malaysia sebagai 'lynchpin' bakat-bakat terunggul seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi.



Untuk menjadikan Malaysia sebagai 'lynchpin' bakat, UiTM akan menyokong pembentukkan hab bakat dan pengetahuan serta pusat ilmu sejagat yang bersifat akademik menerusi pemeraksanaan institusi dan pusat penyelidikan.

Kita semua tahu bahawa universiti keramat ini telah bertapak sejak 66 tahun yang lalu.

Justeru, kita perlu memastikan UiTM terus mampan dan kekal relevan untuk membela nasib anak-anak dan generasi Bumiputera mendatang dengan mengubah persepsi dan keluar dari zon selesa untuk menempah nama bukan sahaja di peringkat tempatan malah di peringkat antarabangsa.

Bagi memastikan sasaran Kebolehpasaran Global ini dilaksanakan, beberapa perkara perlu kita lakukan sekarang.

- Melonjakkan kebolehpasaran pelajar di peringkat dunia.
- Kedua, peningkatan kebolehpasaran staf bukan akademik di peringkat dunia.
- Ketiga, peningkatan kebolehpasaran global staf pelaksana.
- Keempat, membentuk staf akademik bertaraf global.
- Kelima, meningkatkan penglibatan aktif universiti bersama industri dan komuniti.
- Keenam, peningkatan dari segi penglibatan alumni.

UiTM juga akan terus merangka pelan inovatif merentas generasi bagi mendepani cabaran utama yang bakal kita hadapi terutamanya:

- Cabaran kewangan,
- Pengurusan persepsi yang menjurus kepada reputasi universiti,
- Isu penyelenggaraan dan penambahbaikan infrastruktur dan infostruktur untuk kegunaan pelajar,
- Cabaran pembentukan modal insan dan bakat dalaman,
- Pengurusan aset dan pengoperasian, serta
- Kemampuan menembusi pasaran tempatan dan antarabangsa

Sebagai sebuah keluarga besar, kita seharusnya berganding bahu, bersatu padu, berjalan terus menuju kejayaan yang bakal kita harungi bersama.



“

Saya mahu seluruh warga UiTM terapkan semangat **kebersamaan** meskipun kita datang dari bidang yang berbeza, fakulti yang berlainan, mahupun, gred yang berbeza.

”

Bersainglah dengan sihat antara satu sama lain. Belajarlah dari satu sama lain, jadikan pesaing anda sebagai inspirasi untuk lebih ke hadapan. Luaskanlah ilmu pengetahuan anda agar mampu untuk berdaya saing sekaligus menembusi pasaran antarabangsa sebagai bakat terunggul dari Universiti Teknologi MARA dan tanah air tercinta ini.

Terapkan rasa empati di dalam hati untuk menjadi insan yang mulia, penuh dengan kasih sayang, dan adil. Titipkan Qalb dalam setiap detik kehidupan. Gunakan gerak hati dan rasa selain bergantung kepada garis panduan bertulis bagi membuat keputusan yang adil dan tepat.

Pupuklah keyakinan di dalam diri kita semua. Inilah matlamat paling mulia kita sebagai insan di muka bumi ini.





“

Mudah-mudahan dengan **keberkatan ilmu**, kita akan peroleh kejayaan di dunia dan akhirat.

- 21 Oktober 2021

”

Renungan Hikmah - Keutamaan Ilmu

Menuntut ilmu adalah wajib bagi setiap Muslim. Tanpa ilmu manusia akan berada dalam kegelapan dan teraba-raba mencari cahaya. Orang yang berilmu juga akan dikurnia darjat yang tinggi oleh Allah S.W.T. sebagaimana firman-Nya dalam Surah al-Mujadalah yang bermaksud:

“Allah mengangkat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan juga orang-orang yang dikurnia ilmu pengetahuan hingga beberapa darjat.”

Justeru, sempena pembukaan semester baharu ini, saya mengajak para pelajar sama-sama memperbetulkan niat untuk menuntut ilmu.

Belajarlah dengan ikhlas, ambillah peluang ini untuk menekuni ilmu dengan sebaiknya.

- 21 Oktober 2021




Renungan Hikmah - Memelihara Ukhuwah

Ukhuwah atau persaudaraan sangat penting dalam kehidupan. Ia perlu dipelihara serta mesti dibajai dengan keikhlasan kesetiaan dan kasih sayang. Apabila wujudnya ukhuwah dan persaudaraan, kita akan sentiasa prihatin atas kesusahan saudara kita yang lain lantas menghulurkan bantuan.

Jauhilah persengketaan kerana persengketaan akan memusnahkan persaudaraan.

Surah al-Hijrat, ayat 10 bermaksud:
“Sesungguhnya orang-orang mukmin adalah bersaudara. Maka, damaikanlah kedua saudaramu dan bertakwalah kepada Allah untuk kerahmatan.”

Justeru, marilah sama-sama kita memelihara ukhuwah demi kesejahteraan serta kecemerlangan universiti.



“

Kita adalah
satu keluarga.
**Keluarga
UiTM**

- 2 November 2021

”





Renungan Hikmah – Kepentingan Masa

Sebuah syair Arab ada menyebut:

“Waktu itu lebih berharga dari emas.”

Peribahasa ini harus dijadikan pedoman hidup kita kerana masa merupakan perkara yang sangat berharga dan bernilai kerana ia tidak dapat dibeli dan dijual.

Justeru, saya mengajak para pelajar sekalian agar menggunakan masa dengan sebaiknya terutama kepada mereka yang sedang berada di kampus.

Isilah dengan perkara-perkara yang berfaedah dan mendatangkan manfaat dalam diri kita.

- 15 November 2021

“

Masa tidak menunggu kita. Kita yang perlu mengejarnya.

- 15 November 2021

”



Coffee Talk With Rozie

Coffee Talk With Rozie (CTWR) merupakan sebuah siri bual bicara yang membincangkan isu-isu semasa, terkini dan strategik berkaitan hal-hal universiti yang merangkumi aspek akademik, pelajar, pengoperasian, staf, dan banyak lagi.

Siri CTWR ini disiarkan secara langsung di platform digital YouTube menerusi akaun rasmi UiTM Channel yang turut menampilkan barisan panel bual bicara atau pembentang tamu dari kalangan warga UiTM sendiri.

Saya ingin memberi peluang kepada warga untuk meneroka potensi dan menyerlahkan bakat serta kepakaran mereka dengan berkongsi segala dapatan perbincangan kepada seluruh Keluarga UiTM.



“

Pemimpin yang hebat mampu menyerlahkan **potensi bakat** warganya; dan bukan sekadar meramaikan jumlah bakat semata-mata

- 4 Oktober 2021

”

“

Pemantapan fokus penyelidikan di dalam **'precision health'** semestinya mampu menambah baik dan memperbaiki proses perubahan tradisional supaya tidak memudaratkan

- 18 Oktober 2021

”





“

Seiring dengan perkembangan dunia yang semakin pantas, UiTM terus mengukuhkan matlamat universiti keramat dengan melihat perancangan bagi tempoh 15 tahun seterusnya.

- 16 April 2023

”

The Next Chapter:

UiTM in Pursuit of Becoming a Globally Marketable University in 2023

Bagi menjayakan fasa Kebolehpasaran Global (*Globally Marketable*) yang merujuk kepada kemampuan staf (akademik, bukan akademik dan pelaksana), pelajar, graduan dan alumni UiTM yang mula mendapat perhatian, dikenali dan diterima di peringkat dunia, kolaborasi berimpak bersama alumni, industri dan komuniti amat penting dalam memastikan kelestarian pendidikan tinggi dan pembangunan UiTM terus terjamin.

Justeru itu, kerjasama daripada semua individu warga UiTM, pemegang taruh adalah kunci utama dalam mencapai matlamat strategik UiTM. Matlamat ini boleh dicapai apabila setiap individu menjalankan amanah masing-masing berpandukan matlamat strategik iaitu untuk menjadi *Globally Renowned University (GRU) 2025* dan *Globally Marketable University 2023*.



Nilai organisasi (*Excellence, Synergy, Integrity*) dan nilai individu (Ilmu, Disiplin, Amanah, Rajin, dan Tanggungjawab) perlu diamalkan oleh semua pemimpin dan warga UiTM. Kunci kejayaan adalah tindakan dan pelaksanaan projek berstrategik sejajar dengan perancangan, kelestarian tindakan bersama di peringkat operasi, taktikal dan eksekutif, serta tindakan kesegerakkan minda, hati, jiwa dan fizikal / jasmani setiap warga UiTM.



Istiadat Konvokesyen UiTM ke-93

Rangkuman Ucapan Naib Canselor

Istiadat konvokesyen kali ini adalah yang pertama berlangsung sejak pandemik wabak COVID-19 melanda negara kita. Seluruh negara, bahkan dunia, tersentak dan lumpuh seketika di kala COVID-19 membadaai khususnya pada tahun 2020. Ada mereka yang sepatut bersama kita hari ini tidak dapat hadir.

Ada yang telah pergi meninggalkan kita buat selamanya akibat pandemik yang telah melanda. Ahli keluarga, sahabat karib, para petugas barisan hadapan, bakal graduan, pelajar mahupun warga kerja UiTM secara langsung dan tidak langsung telah terkesan akibat daripada penularan pandemik COVID-19 ini.

Dalam usaha meningkatkan kuantiti dan kualiti tenaga mahir dan profesional, UiTM sentiasa mengutamakan aspirasi memaksimumkan suntikan ilmu dan kemahiran yang signifikan khususnya dalam bidang-bidang pengajian yang diikuti oleh para graduan. Semua ini dilakukan

dengan harapan agar mereka menjadi pilihan dan rebutan para majikan di luar sana. Sasaran ini sangat penting bagi meningkatkan profesionalisme, kualiti, prestasi, potensi dan kemampanan sektor perkhidmatan yang didominasi oleh anak-anak Melayu dan bumiputera. Insya-Allah.

Graduan semua telah dididik untuk sentiasa berada dalam spektrum yang berkualiti, bersiap sedia serta berupaya menjadi individu yang proaktif, berpengetahuan, kompeten, kreatif dan inovatif serta berdaya saing untuk memenuhi keperluan pasaran kerja semasa.

Dengan kejayaan yang saudara-saudari kecapai pada hari ini, bukan bermaksud misi pencarian ilmu kita juga turut berakhir. Misi memperkayakan ilmu adalah sesuatu proses yang tiada titik noktahnya. Acapkali kita didedahkan dengan sabda junjungan Nabi kita, Nabi Muhammad SAW, 'Tuntutlah ilmu sejak dari buaian sehingga ke liang lahat', hadis ini merujuk kepada pentingnya mencari ilmu sepanjang umur hidup kita.

Saya ingin memberi nasihat dan mengajak para graduan untuk terus mencari ilmu ke tahap yang lebih tinggi lagi. Kejayaan yang saudara-saudari kecapai hari ini tidak akan membuahkan hasil tanpa adanya pengorbanan dari pihak-pihak tertentu, khususnya dari ibu dan bapa serta keluarga para graduan sekalian.

Ingati dan kenangkanlah jasa dan pengorbanan ibu bapa saudara-saudari selama ini, bukan setakat sepanjang tempoh saudara-saudari berjuang di dalam institusi pengajian ini, tetapi sejak saudara dan saudari dilahirkan. Hayatilah dan hargailah segala doa and kudrat yang telah mereka semaikan, sementara mereka masih berada di sisi kita.

Jangan jadikan diri kita umpama kacang lupakan kulit. Jangan kita sesekali mudah lupa akan segala masa, tenaga dan wang ringgit yang telah mereka habiskan semata-mata ingin melihat saudara-saudari berjaya di puncak gading ini. Ucapkan terima kasih kepada mereka serta pohonkanlah keberkatan yang berterusan daripada mereka.

Di luar sana, dunia baru sedang menanti. Pelbagai cabaran dan dugaan sedang menanti dalam zaman pasca pandemik ini. Jangan takut, Jangan gentar. Harunginya dengan penuh iltizam serta semangat juang yang telah disemai benihnya dalam jiwa saudara-saudari sepanjang perjuangan saudara-saudari di universiti ini.

“

Kuatkan jati diri dan mulakan langkah seterusnya sepertimana arah tuju yang hendak dicapai.

- 14 hingga 28 Jun 2022

”

“

Sebagai seorang graduan
lulusan dari UiTM,
keunggulan para graduan
dalam pelbagai bidang perlu
sentiasa dinamik.

”

Dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu, graduan perlu lebih kreatif dan progresif untuk mendepani cabaran yang mendatang. Pesan saya, agar para graduan sentiasa bersatu hati dan beretika dalam setiap perkara yang dilakukan demi produktiviti yang berimpak tinggi.

Para graduan seharusnya menghormati kepelbagaian agama dan budaya demi menyemarakkan perpaduan. Saya berdoa semoga graduan sekalian sedar akan kedudukan bangsa yang sentiasa memerlukan perhatian dan keutamaan. Saya memohon para graduan untuk mengenang barang sejenak, betapa segala apa yang dikecapi pada hari ini, sebenarnya merupakan perancangan rapi serta wawasan bangsa kita.

Jadilah anak bangsa yang berguna, bertanggungjawab, beretika mulia serta berintegriti tinggi. Mulakanlah langkah saudara-saudari dengan penuh keyakinan. Berjuanglah serta peliharalah nama baik UiTM serta nama keluarga saudara-saudari.

Kepada para Ibu bapa; berbanggallah kerana anak-anak tuan-tuan dan puan-puan telah melalui fasa yang mematangkan usia dan mencambah kualiti modal insan. Semua ini telah dipermudahkan atas doa restu tuan-tuan dan puan-puan semua. Kebanggaan itu datang bersama pengorbanan dan tanggungjawab dalam mendidik, membesar serta membentuk peribadi anak-anak.

Para graduan juga harus sedar, tanpa tunjuk ajar barisan pensyarah, saudara-saudari tidak mungkin beroleh segulung ijazah pada hari ini. Hargailah jasa mereka yang mendidik para graduan sekalian dan jasa UiTM dalam memberikan pendidikan setaraf dengan universiti lain dengan kos yang amat kompetitif.

Kejayaan mereka sebagai seorang graduan yang berkualiti tinggi, berkaliber dan berpekerti mulia akan mencerminkan kejayaan perjalanan UiTM.

UiTM ibarat dunia kecil yang dipenuhi dengan lubuk-lubuk ilmu pengetahuan yang berguna dalam pelbagai bidang. Dengan berbekal ilmu yang dimiliki di dunia kecil inilah, maka saudara-saudari seharusnya bijak melaksanakan tanggungjawab dan amanah yang diberi untuk digunakan dengan sebaik mungkin di luar sana





Istiadat Konvokesyen UiTM ke-94

Sembah Aluan Naib Canselor

Sebagai sebuah universiti komprehensif, UiTM sentiasa proaktif memainkan peranan dalam memupuk kesarjanaan dan membina kecemerlangan akademik bangsanya agar tidak tercicir, malahan setanding dengan bangsa lain.

Pesan saya kepada para graduan, apabila telah berjaya dalam dunia kerjaya kelak, kembalilah memberi ehsan dengan cara yang terpuji dalam apa jua cara, walau di mana jua para graduan berada. Teruskan kitaran kelestarian amalan filantropi ini agar seluruh ummah mendapat manfaat daripadanya.

“

Jadilah insan yang sentiasa amanah memakmurkan bumi untuk kebajikan alam sejagat.

- 10 September 2022

”



Para graduan merupakan pemangkin transformasi peradaban bangsa kita. Kejayaan para graduan ini turut mencerminkan perjalanan dinamik UiTM yang menggalas tanggungjawab besar untuk merubah sosioekonomi masyarakat Melayu bumiputera yang secara langsung menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan negara.

UiTM amat mengharapkan kredibiliti graduan sekalian untuk mendepani masyarakat dengan membawa nama baik universiti ini.



Rangkuman Ucapan Naib Canselor

UiTM berperanan melahirkan graduan bidang agar terus berkembang terutamanya dalam keadaan perubahan landskap sosio politik dan ketidaktentuan ekonomi. Bagi mendukung mandat yang diberikan kepada universiti, UiTM juga responsif terhadap perubahan landskap semasa dan kemajuan teknologi dalam era ini.

Penerapan nilai-nilai murni dalam pengembangan ilmu dan pembangunan diri graduan sentiasa dititikberatkan agar graduan berupaya menjalankan fungsi dalam kesejahteraan masyarakat.

Kepada ibu bapa dan keluarga, saya percaya kegembiraan meraikan kejayaan anak-anak sudah cukup sebagai hadiah atas segala pengorbanan dalam membesarkan anak-anak. Terima kasih juga kepada tenaga akademik serta pentadbiran universiti yang telah turut sama menjalankan peranan membentuk acuan kejayaan para graduan sekalian.

“

Jadilah graduan yang mencari dan mengamalkan ilmu kerana ilmu itu membentuk takwa, menyampaikan ilmu adalah ibadah dan mengulang-ulang ilmu adalah zikir.

- 11 hingga 21 September 2022

”



Percayalah bahawa ilmu dan pengalaman yang telah diperoleh sepanjang pengajian anda di UiTM adalah sangat berharga. Ilmu dan pengetahuan inilah yang akan membantu anda untuk menjadi seorang modal insan yang berdaya saing tinggi, sentiasa merendah diri, kompetitif dan dapat berbakti semula kepada ibu bapa, keluarga, universiti, komuniti dan negara kelak.

Tanamkanlah impian yang tinggi supaya anda mampu bersaing di peringkat kebangsaan dan global. Para graduan harus yakin ilmu yang digendong ini diguna pakai sebaik mungkin untuk kebaikan sejagat. Teruskan belajar dan seiringkan bahu untuk sama-sama membangunkan Malaysia yang tercinta ini.

Ikutlah resam kita di UiTM, berusaha dalam segala hal, bertaqwa dalam menyempurnakan sesuatu pekerjaan dan memuliakan hasil tersebut. Kemahiran dan ilmu itu bakal penentu di mana kita akan berada. Pasanglah impian untuk digapai supaya pengakhiran yang baik berpihak kepada kita.

Sematkan dalam diri agar dapat menabur bakti untuk diri sendiri, agama, bangsa dan negara. Inilah lambang insan yang berakhlak serta berpelajaran, produk yang semestinya dari Universiti Teknologi MARA.

Selagi hayat dikandung badan, selagi roh dikandung jasad, cubalah untuk membahagiakan kedua ibu bapa kerana doa merekalah yang membawa kita ke sini. Tiada yang diharapkan oleh mereka selain kita menjadi insan yang berjaya dan disenangi.

Jangan sia-siakan pengorbanan mereka. Titipkan doa dan kesejahteraan untuk mereka walau di mana mereka berada. Besar harapan mereka untuk melihat anda berada di mercu kejayaan, menyerlahkan potensi diri dan berbakti kepada bangsa dan negara.

Sayangilah mereka, curahkanlah kasih sayang serta perhatian kepada ibu bapa selagi mereka masih ada sebagai penghargaan atas segala pengorbanan, didikan, bimbingan, nasihat dan kasih sayang mereka yang tiada penghujung.

Jangan dilupakan akan jasa para pensyarah yang mencurahkan ilmu tanpa jemu, mendidik minda dengan penuh dedikasi, dan berkongsi pengalaman agar saudara-saudari berupaya mengejar cita-cita dan mampu mengubah destinasi keluarga dan bangsa. Tanpa kehadiran mereka, impian graduan untuk mencapai kecemerlangan pasti meniti jalan yang sukar.

Berbaktilah dengan keikhlasan dan kejujuran. Semoga hidup membawa harapan, menjadi insan terbilang di masa hadapan. Impian anda untuk menjadi apa sahaja harus diselarikan dengan niat untuk kembali menabur bakti, menanam budi buat agama dan bangsa.

Sentiasalah bersyukur kepada Tuhan yang Esa dan berterima kasih kepada keluarga, para pendidik, rakan-rakan dan UiTM. Realiti di luar jelas lebih mencabar. Usah gentar kerana ilmu dan pengetahuan akan menjadi benteng untuk para graduan.



“

Ingat! Anda adalah permata agama dan negara. Gilaplah hidup anda dengan sinar cahaya yang gemerlapan.

”

“

Jadilah aset negara yang profesional, berwibawa, prihatin, berdaya maju dan produktif, dalam apa jua bidang yang diceburi.

”



Persiapkan diri anda untuk menghadapi realiti kehidupan agar anda menjadi insan berjaya kerana setiap kejayaan yang dicipta, pastinya akan turut membawa nama baik dan kredibiliti universiti keramat ini.

Jadilah anak bangsa yang sentiasa menyumbang dan tidak lupa akan asal usulnya. *“Bak ular menyusur akar tidak akan hilang bisanya”, “ikut resmi padi makin berisi makin merunduk”* dan *“jadilah mata kita seperti mata lebah bukannya seperti mata lalat”*, melihat perkara-perkara kebaikan daripada kemungkaran dan kejahatan yang menghancurkan.

Impian para graduan sememangnya berharga kepada masa depan, agama, bangsa dan negara kerana mereka merupakan bakat yang akan memandu Malaysia menjadi sebuah negara maju, inklusif dan makmur pada masa hadapan. Teruskan untuk mengatur langkah dalam mencapai impian.



“

Kombinasi
kebijaksanaan
ilmu dan
kesempurnaan
akhlak
sebenarnya
adalah kunci
utama yang
seharusnya ada
pada setiap
individu.

”



Istiadat Konvokesyen UiTM ke-95 Sembah Aluan Naib Canselor

Para graduan merupakan pemangkin transformasi peradaban bangsa kita. Kejayaan para graduan ini turut mencerminkan perjalanan dinamik UiTM yang menggalas tanggungjawab besar untuk merubah sosio-ekonomi masyarakat yang secara langsung menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan negara.

UiTM amat mengharapkan kredibiliti graduan sekalian untuk mendepani masyarakat dengan membawa nama baik universiti ini. Jadilah insan yang sentiasa amanah memakmurkan bumi untuk kebajikan alam sejagat.

“

Genggaman ijazah yang ada sepatutnya mematangkan para graduan untuk terus menjadi manusia berguna yang dapat berbakti kepada ibu bapa, keluarga, agama, bangsa dan negara.

- 26 November 2022

”

Dalam usaha melancarkan pembelajaran, UiTM telah merangka pelan bantuan dengan melancarkan kempen **#UiTMPrihatin**. Khidmat e-kaunseling, bantuan kewangan, dan peralatan komputer diberikan kepada pelajar yang memerlukan. Bantuan ini telah melibatkan kerjasama dengan badan-badan bukan kerajaan untuk menyalurkan pelbagai bantuan kepada golongan sasaran.

Perkara ini selaras dengan usaha yang dilaksanakan di bawah agenda **#KPT-Prihatin** yang berkaitan dengan pendigitalan pendidikan dalam Pelan Pendigitalan Pendidikan Tinggi Negara.

Di bawah agenda **#KPT-Prihatin** ini juga, UiTM telah menerima penghargaan daripada Kementerian Pengajian Tinggi dalam penglibatan lima aktiviti iaitu, sebagai Pusat Pemberian Vaksin, Jom Masuk IPT, Bantuan Banjir IPT peringkat UiTM, Bantuan Banjir IPT peringkat Kampus UiTM Pahang, dan Pembangunan Atlet Kebangsaan.

Rangkuman

Ucapan Naib Canselor

Era digital memerlukan graduan yang lebih fleksibel, kreatif dan inovatif. Para graduan perlu beriltizam melangkah jauh ke hadapan demi masa depan yang lebih cemerlang. Langkah ini harus dimulai dengan nawaitu yang hasanah bahawa setiap tugas diberikan merupakan amanah.

Amalan pengajaran dan pembelajaran secara konvensional sebelum ini disesuaikan dengan kemampuan teknologi sedia ada. Pelbagai inisiatif telah diusahakan oleh Universiti dalam memastikan para graduan memperoleh pendidikan yang berkualiti. Pada era globalisasi ini, kompetensi graduan bukan sahaja diukur melalui gred, tetapi juga melalui nilai tambah yang memberikan impak holistik secara menyeluruh.

Universiti sentiasa komited dalam menyesuaikan pembelajaran akademik para pelajar secara bersemuka mahupun dalam talian untuk kecemerlangan graduan.

Bagi memastikan tiada yang tercicir, medium paling mudah diakses telah digunakan sebagai pelantar Pengajaran dan Pembelajaran seperti Zoom, Google Meet dan Microsoft Teams. Bagi pelajar berkeperluan, inisiatif membenarkan pelajar belajar secara bersemuka dan hibrid juga dilaksanakan.

Bantuan kewangan, makanan, dan komputer riba hasil sumbangan daripada pelbagai pihak, diagihkan kepada yang memerlukan terutamanya, graduan dari keluarga kumpulan B40. Khidmat e-kaunseling serta program motivasi turut disediakan sebagai platform sokongan kesihatan minda para graduan.



“

Kecemerlangan seseorang tidak hanya diukur berdasarkan tahap intelektual dan kemahiran yang perlu disempurnakan dengan nilai murni serta sikap terpuji.

”

Saya yakin para graduan sekalian telah mendapat asas pembentukan sahsiah yang kukuh semasa di UiTM. Penglibatan para graduan dalam pelbagai program kemasyarakatan sudah tentunya menanam sifat tanggungjawab untuk menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat.

Namun, ingatlah, perjalanan untuk menimba ilmu tidak akan terhenti di sini. Para graduan perlu sentiasa berlapang dada dan berfikiran terbuka untuk terus mempelajari sesuatu yang baharu. Ilmu itulah, yang akan menjadi bekalan hidup untuk membina kecemerlangan kerjaya dan menabur bakti kepada agama, bangsa dan negara.

Melihat kepada senario persaingan semasa yang semakin kompetitif untuk mendapatkan pekerjaan, graduan seharusnya memiliki kemahiran komunikasi dan keterampilan diri serta menjadi individu yang lebih fleksibel dan *‘versatile’*. Para graduan juga dibekalkan dengan kemahiran generik seperti kemahiran berkomunikasi, kepimpinan, proaktif dan berfikiran kritis melalui pelaksanaan pelbagai program.



Peliharalah nama baik UiTM dan keluarga. Sentiasa berbakti kepada ibu bapa dan penjaga. Tanpa doa dan pengorbanan mereka, belum tentu anda akan sampai ke tahap ini. Semoga saudara-saudari menjadi anak bangsa yang berintegriti tinggi dan mulia etikanya. Amanah yang bakal anda pikul sebagai pelapis bangsa tidak harus diambil mudah, lebih-lebih lagi dalam era globalisasi hari ini.

Kejayaan hari ini merupakan manifestasi hasil usaha gigih, serta restu ibu bapa, dan keluarga. Tanpa sokongan dan galakan mereka, tidak mungkin saudara-saudari sampai ke tahap ini. Kenangkanlah usaha mereka dan berbaktilah sebaik mungkin sebagai anak yang tahu membalas jasa.

Saya doakan kecemerlangan terus dicapai dalam setiap langkah yang diatur, agar dapat berbakti kepada bangsa dan negara, sekaligus, mengharumkan nama UiTM.

“

Nilai-nilai positif seperti istiqamah, kuat semangat, sabar dan tidak mudah putus asa perlu ditanamkan dalam diri bagi menghadapi dunia di luar sana.

”

Istiadat Konvokesyen UiTM ke-96

Sembah Aluan Naib Canselor

Universiti ini telah bertapak sejak tahun 1956 dan berperanan sebagai pemangkin pembangunan masyarakat bertujuan mempertingkatkan keilmuan, kepakaran dan ekonomi bumiputera dalam semua bidang.

UiTM memegang tanggungjawab yang besar untuk terus mampan dan kekal relevan dalam pembangunan kapasiti dan keupayaan generasi Bumiputera pada masa hadapan. Mereka daripada kumpulan yang sedikit tercabar dalam aspek kewangan khususnya, mampu mengubah persepsi dan keluar dari zon selesa untuk mencipta nama bukan sahaja di peringkat tempatan malah di peringkat antarabangsa.

UiTM bergerak dengan membina kemahiran dan mengasah jati diri dari peringkat asas, seterusnya menyediakan rangkaian atau peluang bagi mentransformasikan minda menjadi **Minda Kelas Pertama** atau **Super Graduate** sebagai persediaan untuk ke peringkat global.

Melalui transformasi UiTM ke arah menjadi Universiti Terkemuka Dunia, pelbagai program telah mula dilaksanakan pada tahun lepas melalui tema **Kompetensi Global**. Ia bagi memastikan staf dan pelajar dilengkapi dengan kemahiran dan persediaan untuk membina keberanian di peringkat global demi mewujudkan ekosistem yang kemudiannya akan memberi manfaat kepada graduan.

UiTM begitu menggalakkan program berbentuk latihan kepada semua staf demi meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang akan membolehkan mereka melaksanakan tugas bertaraf global.

“

Setiap warga perlu mempunyai pemikiran yang kritis, mampu bekerja secara kolaboratif, dan berkomunikasi dengan berkesan di peringkat global tanpa mengira skop atau jenis pekerjaan.

- 20 Mei 2023

”





“

Realisasikan impian dan harapan ibu bapa dan penjaga, terus membanggakan mereka dengan menjadi insan berguna pada tanah air tercinta.

”

Rangkuman

Ucapan Naib Canselor

Para graduan perlu berusaha mempersiapkan diri dan memainkan peranan secara kompeten berdasarkan bidang pengajian masing-masing. Graduan perlu mempunyai daya pemikiran kritis, berdaya saing, dan berkepemimpinan bagi memenuhi keperluan industri, seterusnya mampu memberi impak positif kepada universiti, negara mahupun global.

Dalam keadaan dunia hari ini, kita perlu memiliki kemahiran dan pengetahuan untuk mempertingkatkan diri dalam pasaran global. Para majikan sentiasa mencari calon yang mempunyai keupayaan untuk menyesuaikan diri dengan keadaan yang dinamik dan kebolehan berfikir secara kritis.



UiTM telah melancarkan tema **Kompetensi Global** yang berfokus kepada usaha meningkatkan kompetensi pelajar dalam semua kemahiran yang diperlukan oleh majikan. Sehubungan dengan itu, Universiti telah memperkukuhkan jalinan kerjasama strategik menerusi program pembangunan seperti ‘upskilling’ dan ‘finishing school’.

Setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada para graduan atas hasil usaha dan dedikasi sehingga berjaya menamatkan pengajian. Syabas diucapkan kepada ibu bapa, penjaga dan ahli keluarga yang telah turut sama memainkan peranan dalam kejayaan ini.

Agenda kebolehpasaran graduan UiTM terus diperkukuh melalui kejayaan universiti menjalankan kerjasama dengan industri serta organisasi di dalam dan di luar negara. Melalui kerjasama ini, para graduan berpeluang melibatkan diri dengan pelbagai program bermanfaat seperti program pertukaran pelajar, latihan industri dan lawatan akademik di serata dunia.

“Dayung sudah di tangan, Perahu sudah di air”. Mulakanlah langkah para graduan sebagai alumni UiTM dengan penuh iltizam. Saya yakin, para graduan juga boleh menjadi ikon kepada generasi akan datang dan mampu untuk menyumbang bakti kepada masyarakat.



Istiadat Konvokesyen UiTM ke-97 Sembah Aluan Naib Canselor

UiTM sentiasa cakna dengan keperluan pelajar mengharungi pasca COVID-19. Kemasukan pelajar baharu juga, merupakan cabaran yang pastinya akan ditangani agar universiti mampu melahirkan graduan yang kalis masa depan demi kelestarian dunia.

Bagi memastikan UiTM melahirkan graduan yang lengkap dengan kemahiran mengadaptasi, Modul Program Aspirasi DNA UiTM! atau PADU! dilaksanakan. Modul ini, menerapkan elemen

jati diri, kepimpinan, dan pembangunan kerjaya. Graduan juga berpeluang mengikuti program profesional yang turut memberi nilai tambah kepada ijazah sedia ada.

Sumbangan alumni dalam menyokong kelestarian pembangunan pelajar juga memainkan peranan yang signifikan. Terima kasih kepada semua Alumni yang telah menyumbang dari segi kewangan dan tenaga.

“

Sebagai universiti komprehensif, UiTM sentiasa proaktif dalam membina kecemerlangan akademik.

- 5 Ogos 2023

”



Rangkuman Ucapan Naib Canselor

Para graduan perlu berusaha mempersiapkan diri dan memainkan peranan secara kompeten. Penglibatan mahasiswa di peringkat global adalah bertujuan untuk mengetengahkan potensi mereka, agar mampu bersaing di peringkat global selari dengan visi UiTM. Harapan saya agar para graduan dapat memanfaatkan ilmu dan kemahiran yang diperoleh dengan sebaiknya.

Sebagai sebuah institusi pendidikan berteraskan kecemerlangan, UiTM bertanggungjawab untuk melahirkan tenaga kerja profesional dan usahawan bumiputera yang berjaya. Matlamat utama UiTM adalah memastikan graduan mendapatkan pekerjaan seawal enam bulan pertama selepas bergraduasi. Sehubungan dengan itu, pelbagai perancangan dan usaha dilakukan termasuklah jalinan kolaborasi bersama rakan strategik di dalam dan di luar negara.

UiTM sentiasa berusaha memastikan graduan yang dihasilkan adalah '*versatile*' dan hands-on, yang mana mereka inilah, bakal mewarnai lanskap industri profesional pelbagai bidang. Bagi memastikan graduan yang dihasilkan sentiasa memenuhi kebolehpasaran semasa, Universiti terus menjalinkan kolaborasi bersama rakan strategik di dalam dan luar negara.

Sukacitanya, saya memaklumkan bahawa UiTM bakal menyambut ulang tahun yang ke-24 pada 26 Ogos ini. Bertepatan dengan itu, UiTM berbangga meraikan penganugerahan skrol yang ke sejuta. Angka ini mencerminkan ITM dan UiTM telah berjaya menyempurnakan misi penubuhannya dengan tepat untuk menjuarai pembangunan bumiputera profesional.

“

Andalah generasi muda penerus kesinambungan kepimpinan negara pada masa hadapan.

- 6 Ogos 2023

”



“

Gunakanlah setiap ruang dan peluang yang ada untuk mempelajari pengetahuan dan kemahiran baharu.

- 6 Ogos 2023

”

Pelbagai cabaran bakal ditempuh pada masa hadapan. Namun, ia merupakan satu proses kehidupan yang perlu dilalui untuk menjadikan kita lebih baik. Saya mendoakan agar, para graduan dapat mengharungi cabaran dan terus cemerlang dalam segala lapangan yang diceburi.

Semua pencapaian ini jelas membuktikan UiTM berada pada landasan yang betul dalam usaha menghasilkan graduan yang kompetitif dan relevan dengan pasaran global.

Bersyukurlah atas segala usaha dan nikmat yang telah diberi. Sentiasa tekadkan diri untuk menjadi individu yang terbaik. Dengan azam yang teguh dan usaha yang gigih, tanamkan sifat tanggungjawab untuk terus menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat. Sentiasa berterima kasih kepada ibu bapa, penjaga dan keluarga yang menyokong perjuangan para graduan selama ini.





Koleksi Pantun Naib Canselor

Pergi ke perigi membawa baldi,
Perigi terletak di balik senduduk;
Baik dibawa resmi padi,
Semakin berisi semakin tunduk.

Ayuh tepuk graduan semua,
Kepada ibu dan juga bapa;
Walau di mana anda berada,
Moga UiTM tidak dilupa.

Tegak rumah kerana sendi,
Runtuh sendi rumah binasa;
Tegak bangsa kerana budi,
Runtuh budi hilanglah bangsa.



Terima kasih para tetamu,
Menyokong UiTM menjadi teraju;
Sungguh penting namanya ilmu,
Merubah dunia menjadi maju.

Tegak rumah kerana sendi,
Rosak sendi rumah binasa;
Biar hidup terus berbudi,
Makmur bersama sepanjang masa.

Jalur Gemilang megah berkibar,
Tampak indah melambai-lambai;
Aspirasi UiTM terus berkobar,
Menuju GRU Insya-Allah tercapai.

66 tahun telah berlalu,
Tertubuhnya UiTM membela bangsa;
Mari kita berganding bahu,
Membawa universiti ke peringkat antarabangsa.

Tuan Puteri pergi ke Rasah,
Pulang semula di waktu pagi;
Kita bertemu akhirnya berpisah,
Diizin Allah bersua lagi.

Tumbuk temu menyingsing baju,
Baju sutera sulaman tangan;
Akhlak dan ilmu kini bersatu,
Membentuk minda insan unggulan.

Kopi dan temu bawa ke pekan,
Buat pelaris busana pendeta;
Budi dan ilmu UiTM nobatkan,
Graduan pewaris bangsa merdeka.





Pucuk pauh delima batu,
Anak sembilang di tapak tangan;
UiTM tempatmu menuntut ilmu,
Sentiasa di hati dilupa jangan.

Cahaya pelangi terbias sedikit,
Pasir berbisik hanya sejenak;
Bila sudah mendongak langit,
Jangan dilupa tanah dipijak.

Bunga kemboja semerbak baunya,
Dipetik teruna buat si dara;
Ilmu ditimba guna sebaiknya,
Bekalan diri, masyarakat dan negara.

Hinggap kedidi di pohon cemara,
Berkicau riang memecah sepi;
Binalah bangsa bangunkan negara,
Usah terbuai diulit mimpi.

Di balik awan senja bertamu,
Berhembus sang bayu alam duniawi;
Pulanglah tuan membawa ilmu,
Teguhkan pasakmu membela pertiwi.

Kalau dikerat si daun pandan,
Terbanglah tempua ke rumpun padi;
Setelah dapat memandang bulan,
Janganlah lupa rumput di bumi.

Negeri Sembilan negeri beradat,
Adat pematik menjunjung agama;
Carilah pengalaman tak kira tempat,
Bekalan hidup berjaya selamanya.

Pohon berangan tempat bertemu,
Girangnya rasa si anak dara;
Baliklah tuan membawa ilmu,
Binalah bangsa bangunkan negara.

Pagi menanam pohon cemara,
Petang mengail ikan sembilang;
Khidmat bakti kepada negara,
Semoga menjadi insan terbilang.

Bunga melati di tepi kolam,
Tempatan singgahan si kupu-kupu;
Ilmu datang dari pengalaman,
Semoga graduan cemerlang selalu.

Burung pipit burung kedidi,
Hinggap di pokok, di tepi sawah;
Jika hidup tidak berbudi,
Ibarat pokok tidak berbuah.

Bunga kemboja semerbak baunya,
Dipetik teruna buat si dara;
Ilmu ditimba guna sebaiknya,
Bekalan diri, masyarakat dan negara.

Lepas terbang si anak helang,
Cantik berkilat disinari suria;
UiTM gemilang nama dijulang,
Terus menyinar di persada dunia.

Di dalam dewan tepukan bergema,
Senyum di wajah debar di jiwa;
Ilmu di dada dimanfaatkan bersama,
Memori UiTM mekarlah di jiwa.

Berwarna-warni bunga melati,
Jadi jambangan dalam belanga;
Graduan UiTM berbudi pekerti,
Jadi harapan kebanggaan keluarga.

Tiang seri saiznya besar,
Menjadi tonggak di tengah ruang;
Harapan negara sangatlah besar,
Usaha berterusan pasti cemerlang.

Kembang mekar bunga Dahlia,
Kembang bersama bunga Kekwa;
Menuntut ilmu amalan mulia,
Jadikan amalan di dalam jiwa.


Duduk berbual di hujung anjung,
Rimbun angsa meneduh pagi;
Graduan global ilmu disanjung,
Membina bangsa warga MADANI.

Sungguh jinak si burung merpati,
Apabila didekat terbang menghilang;
Teruskan khidmat, Teruskan bakti,
Graduan cemerlang UiTM gemilang.

Tepak sireh bertahta emas,
Pinang dihias bersama bunga;
Ilmu dan nasihat disimpan kemas,
UiTM di hati martabat dijaga.

Burung cendrawasih terbang tinggi,
Hinggap sebentar di pohon bidara;
Tinggilah akal tinggilah budi,
Binalah bangsa bangunkan negara.

Naik perahu membawa barang,
Hendak mendayung ke kampung jiran;
Ilmu digalas aspirasi dijulang,
Generasi kompeten kalis cabaran.





Anak saudagar, pergi berdagang,
Tumpang belayar, kapal Melayu;
Segulung ijazah, sudah dipegang,
Mengorak langkah, teruslah maju.

Dewan Agung tersergam megah,
Membentuk peribadi penuh ihsan;
Genggaman ijazah sebagai anugerah,
Bermula langkah penyambung warisan.

Kalau sudah mahu ke ladang,
Usah lagi dibawa mandi;
Kalau sudah ijazah dipegang,
Usah berhenti teruskan berbakti.

Bunga melati di tepi kolam,
Menjadi hinggapan si kupu-kupu;
Terus berbakti ke seluruh alam,
Megah berdiri menjulang ilmu.

Beli kudapan di Pekan Rabu,
Duduk menjamu di Gunung Jerai;
Kekalkan adab junjunglah ilmu,
Negara gemilang matlamat tercapai.



“

Terima kasih saya ucapkan
kepada kesemua
9,005 pensyarah yang telah
berkhidmat untuk UiTM.

Mana mungkin kita mampu
melakukannya tanpa semangat
#keluargaUiTM

- 11 September 2021

”




Sebagai pelajar, jadikanlah
masa anda di sini yang paling
menarik dalam hidup anda.

Discover yourself, pursue
your passion with dedication
and commitment.







“

UiTM sentiasa berusaha membentuk **kecergasan nasional** berteraskan penyertaan aktif warga dengan menganjurkan program **‘sporting campus’** secara berterusan dan menerapkan gaya hidup cergas dan sihat

- 9 Oktober 2021

”



Sidang Redaksi

Titipan Aspirasi Rozie: Menjentik Hati Keluarga UiTM

Penaung

Ezurya Rathi

Penasihat

Ts. Dr Hayati Abd Rahman

Penulis Utama

Syaza Marina Ramli
Aida Ahmad Saipiuddin
Nurul Afnieza Md Zain
Zuraidah Jantan
Azhar Ab. Wahab

Editor

Ts. Dr Hayati Abd Rahman
Zuraidah Jantan
Azhar Ab. Wahab
Turisiana Ahmad Buhari

Reka Letak Visual

Syaza Marina Ramli
Haryati Kamaruddin
Mohd Khairulnizam Yaakub

Jurugambar

Shamsul Hidayat Omar
Roslan Daud
Shazana Shabuddin
Shahida Nordin

Sekretariat Penerbitan

Adilla Hayati Mohd Satali
Siti Haslinda Abdul Halim
Muhammad Izzul Islam Abd Razak

TITIPAN
ASPIRASI
Menjantik
Hati Keluarga UiTM

Rozie

